



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DANA KLUSTER

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TAHUN 2023

Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP)

Kompleks Penyelidikan, Jalan UMS,
88400, Kota Kinabalu, Sabah

Tel: 088-320 000 samb. 6138010 | Faks: 088-320 127

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Dana Kluster Universiti Malaysia Sabah diwujudkan sebagai menyokong kepada seruan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (Amanat Menteri Pendidikan Tinggi Tahun 2023); menggagaskan 11 aspirasi yang menjadi tonggak dalam usaha dan panduan melonjakkan sektor pendidikan dan penyelidikan di Malaysia agar lebih berkualiti dan diiktiraf seantero dunia.

- i. Menterjemahkan aspirasi nasional secara tegas, tuntas dan tepat
- ii. Bersikap professional, adil, objektif dan tidak political
- iii. Menilai semula kedudukan kementerian secara keseluruhan
- iv. Memperkukuh kekuatan sumber intelektual Malaysia
- v. Mengurus pelbagai perubahan dan ledakan teknologi
- vi. Memperkukuh peranan Malaysia sebagai lynchpin for talents and knowledge
- vii. Rombakan besar-besaran terhadap system dan ekosistem TVET nasional
- viii. Memastikan kepentingan IPTS dalam sector Pendidikan tinggi
- ix. Kualiti dan kecemerlangan akademik
- x. Memperbaiki akses dan rejim pembiayaan Pendidikan
- xi. Pemerkasaan mahasiswa

Sekaligus, mengesyorkan semua Universiti Komprehensif mempunyai bidang penyelidikan dan inovasi berfokus yang unik dan mempunyai kekuatan tersendiri.

1.2 Tempoh

- i. Tempoh penyelidikan bagi Dana Kluster adalah satu (1) sehingga tiga (3) tahun sahaja.
- ii. Konsep agihan dana adalah dibiayai dari sumber dalaman UMS dan berdasarkan bajet tahun semasa.
- iii. Penyaluran peruntukan ke Akaun Amanah penyelidik pada tahun berikutnya bergantung kepada laporan kemajuan dan output semasa projek.
- iv. Akaun Amanah akan ditutup/ditamatkan dan bajet akan ditarik balik sekiranya Ketua Projek tidak mengemukakan Laporan Kemajuan Projek mengikut kitaran yang telah ditetapkan.

1.3 Siling peruntukan

Jumlah siling peruntukan bagi Dana Kluster adalah RM250,000.00.

1.4 Tujuan

Dana Kluster ini diwujudkan untuk memberi fokus penyelidikan kepada kluster penyelidikan UMS bagi keterlihatan UMS di peringkat global, mampu mengeluarkan hasil penyelidikan berimpak tinggi, samaada dalam bentuk produk, penerbitan dan impak kepada komuniti.

1.5 Ciri-Ciri Utama Kluster Penyelidikan

Ciri-ciri utama yang diambil kira dalam menterjemahkan fokus Kluster penyelidikan UMS adalah berdasarkan:

- (i) Komuniti / Masyarakat – berpusat/ Isu semasa setempat
- (ii) Selaras dengan keperluan Negeri
- (iii) Selaras dengan keunikan Sabah
- (iv) Didorong oleh industri (industry driven)
- (v) Sustainable Development Goals (SDG)
- (vi) Translational
- (vii) Multidisiplin

1.6 Kluster Penyelidikan UMS

Sebanyak empat (4) kluster utama UMS telah dikenalpasti:

No.	Kluster	
	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
1	Kejuruteraan & Teknologi	Engineering & Technology
2	Alam Sekitar & Sains Gunaan	Environment & Applied Sciences
3	Perubatan & Sains Hayat	Medical & Life Sciences
4	Seni, Sains Sosial & Kemanusiaan	Arts, Social Sciences & Humanities

BAHAGIAN 2: PERMOHONAN

2.1 Syarat-syarat Permohonan

- i. Dana ini terbuka kepada kakitangan akademik (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan dan Pensyarah) sepenuh masa.
- ii. Ketua penyelidik hendaklah berjawatan tetap/kontrak dan berstatus warganegara Malaysia.
- iii. Bagi Ketua Projek bukan warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari FAPI yang sama sebagai Ketua Projek Seterusnya (Next Appointed Leader).
- iv. Kakitangan akademik/felo penyelidik secara separuh masa tidak dibenarkan memohon sebagai Ketua Projek. Walau bagaimanapun dibenarkan untuk menjadi penyelidik bersama dalam kumpulan penyelidik.
- v. Permohonan baharu bagi Ketua Projek mereka yang telah diluluskan Dana Kluster pada fasa yang terdahulu, akan diberi pertimbangan dengan bukti projek-projek tersebut telah mencapai 75% selesai di dalam Modul Pemantauan Sistem smppi dan disahkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP). Ketua Projek mesti mengemaskini prestasi projek penyelidikan secara dalam talian melalui Sistem smppi pada setiap kitaran pemantauan.
- vi. Penyelidik bersama dari luar UMS (jika ada) boleh dinamakan dari kalangan industri/ swasta/agensi kerajaan.

- vii. Kakitangan akademik yang cuti belajar/cuti sabbatical/cuti tanpa gaji/sangkutan industri/dipinjamkan atau berpindah ke organisasi lain dalam tempoh pembukaan permohonan tidak dibenarkan memohon sebagai Ketua Projek. Walau bagaimanapun dibenarkan untuk menjadi ahli penyelidik Bersama.
- viii. Kakitangan akademik yang merancang untuk mengambil cuti belajar/cuti sabbatical/cuti tanpa gaji/sangkutan industri/dipinjamkan atau berpindah ke organisasi lain tidak digalakkan untuk memohon sebagai Ketua Projek.
- ix. Pemohon hendaklah mengetuai satu Dana penyelidikan dalam satu masa sahaja.
- x. Tidak dibenarkan untuk menukar skop atau tajuk kajian.
- xi. Pemohon mestilah bebas daripada sebarang isu disiplin dan tatatertib.

2.2 Prosedur Permohonan

- 2.2.1 Permohonan untuk Dana Kluster UMS adalah di bawah penyelarasan sepenuhnya oleh Jawatankuasa Kluster Penyelidikan & Inovasi yang diketuai oleh seorang Pengerusi bagi setiap Kluster.
- 2.2.2 Permohonan untuk Dana Kluster UMS perlu dikemukakan secara atas talian melalui Sistem Maklumat Penyelidikan, Persidangan, Penerbitan dan Inovasi (SMPPI).
- 2.2.3 Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan hanya satu (1) permohonan projek sahaja pada setiap fasa.

2.3 Kriteria Penilaian

- 2.3.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/ teori/ konsep/ kaedah/ model/ proses baru; dan
- 2.3.2 Penyelidikan yang dapat menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau
- 2.3.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
- 2.3.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.
- 2.3.5 Permohonan yang dikemukakan hendaklah berdasarkan Kluster penyelidikan yang telah ditetapkan mengkhusus kepada Bidang Keutamaan yang disenaraikan di atas.

2.4 Peraturan Kewangan

- 2.4.1 Agihan peruntukan yang diluluskan akan disalurkan mengikut agihan berikut:
 - (i) Agihan pertama: 70%,
 - (ii) Agihan kedua: 30%

2.4.2 Peruntukan yang diluluskan perlu digunakan mengikut syarat-syarat berikut:

Vot 11000 - Gaji dan Upahan

- i. Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) mod penyelidikan sepenuh masa.
- ii. Hanya 40% sahaja daripada peruntukan Dana dibenarkan untuk membayar gaji Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA).
- iii. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,500 untuk pelajar Ph.D dan RM2,000 untuk pelajar sarjana.

Vot 21000 - Perbelanjaan Perjalanan dan Sarahidup

- i. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan, pengangkutan domestik dan sara hidup yang berkaitan dengan projek dalam satu tempoh yang tertentu semasa menjalankan kajian/kerja lapangan.

Vot 24000 - Sewaan

- i. Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

Vot 27000 - Bekalan dan Bahan-bahan lain

- i. Peruntukan hanya boleh digunakan untuk pembelian bahan pakai habis dan perjalanan domestik yang berkait langsung dengan projek dan keperluan-keperluan yang berkaitan.

Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas

- i. Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

Vot 35000 - Aksesori dan Peralatan

- i. Pembelian aset dibawah Vot35000 tidak melebihi 40% daripada keseluruhan peruntukan. Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut peraturan kewangan yang digunapakai di Universiti Malaysia Sabah.
- ii. Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi, peralatan pejabat dan perkakasan seperti workstation, laptop, iPad, hand phone, printer, stationery serta apa-apa pembelian yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

- 2.4.3 Prosedur pembelian serta penggunaan wang penyelidikan harus mematuhi peraturan kewangan serta pekeliling kewangan yang digunapakai di UMS.
- 2.4.4 Penyelidik **tidak dibenarkan** untuk menggunakan peruntukan Dana bagi membuat pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembelian yang tidak dibenarkan adalah seperti berikut:-
- i. Pembayaran sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas dan seumpamanya;
 - ii. Pembelian bahan rujukan dan seumpamanya;
 - i. Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit / komputer riba / mesin pencetak / katrij dan seumpamanya);
 - ii. Pembayaran bil utiliti/telekomunikasi;
 - iii. Pembelian peralatan pejabat (seperti alat tulis / kertas / meja / kerusi dan seumpamanya);
 - iv. Pembelian peralatan storan (seperti external hardisk / pendrive / CD dan seumpamanya);
 - v. Pembayaran sewaan ruang / fasiliti di Institusi masing-masing;
 - vi. Penganjuran persidangan, simposium dan lain-lain;
 - vii. Pameran atau pertandingan inovasi;
 - viii. Pembayaran pemfailan harta intelek dan seumpamanya; dan
 - ix. Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.

2.5 Hasil Penyelidikan

2.5.1 Setiap projek penyelidikan yang dipohon mesti menghasilkan bakat, penerbitan dan Perjanjian Penyelidikan (research Agreement) seperti **LAMPIRAN 1**.

2.5.2 Semua Ketua Projek yang telah menerima Dana Kluster wajib untuk memohon Dana daripada Luar UMS dengan dibuktikan; permohonan direkodkan dalam sistem smppi.

2.6 Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

- 2.6.1 Pihak PPP akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Dana Kluster UMS melalui medium rasmi.
- 2.6.2 Permohonan akan dibuka sebanyak dua (2) fasa berdasarkan tahun kewangan dan tempoh setiap fasa permohonan dan penilaian ialah tiga (3) bulan seperti berikut:
- (i) Fasa 1: Disember (tahun sebelum) – Februari (tahun semasa)
 - (ii) Fasa 2: April (tahun semasa) – Jun (tahun semasa)

BAHAGIAN 3: PENILAIAN

3.1 Penilaian Dana Kluster UMS

- 3.1.1 Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Kluster Penyelidikan & Inovasi mengikut bidang kepakaran kluster masing-masing.

- 3.1.2 ~~Panel Penilai daripada luar UMS (Industri/IPTA/IPTS) boleh dilantik sekiranya kepakaran yang berkaitan diperlukan.~~
- 3.1.3 Tidak semua pemohon perlu membentangkan permohonan. Jawatankuasa Panel Penilai Dana Kluster Dana Kluster UMS akan memanggil pemohon membentangkan permohonan sekiranya perlu.
- 3.1.4 Penilaian oleh Panel Penilai UMS adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan UMS yang berkaitan.

BAHAGIAN 4: PEMANTAUAN

4.1 Implementasi Projek

- 4.1.1 Semua projek yang diluluskan di bawah Dana Kluster Dana Kluster UMS akan dipantau oleh PPP dari aspek:
- (i) Prestasi projek; dan
 - (ii) Prestasi kewangan.
- 4.1.2 Pemantauan dilaksanakan melalui penghantaran Laporan Kemajuan dalam SMPPI seperti berikut:

1.	Tempoh penghantaran :	Enam (6) bulan iaitu dua (2) kali setahun
2.	Permohonan pelanjutan :	Hendaklah dibuat selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh projek
3.	Tempoh maksima lanjutan:	Enam (6) bulan
4.	Projek dua (2) tahun	Permohonan pelanjutan tidak akan disokong oleh JPK sekiranya tidak mencapai milestone dua (2) kali pelaporan berturut-turut.
5.	Projek tiga (3) tahun	Sekiranya milestone tidak dicapai dalam tempoh dua (2) tahun pertama, penamatan boleh dicadangkan oleh JPK.

- 4.1.3 Ketua Penyelidik akan dikehendaki membentangkan sekiranya tidak mencapai Perbatuan (milestone) berdasarkan cadangan permohonan yang telah diluluskan.
- 4.1.4 Laporan pemantauan yang dikemukakan akan dinilai oleh Jawatankuasa Kluster Penyelidikan & Inovasi.
- 4.1.5 Sebarang perubahan/ penambahbaikan terhadap kertas kerja hanya boleh dibuat pada pemantauan kali pertama.

4.2 Laporan Kemajuan

Ketua penyelidik dikehendaki menghantar laporan kemajuan penyelidikan mereka setiap enam (6) bulan secara atas talian melalui SMPPI. Kegagalan untuk menghantar

laporan kemajuan penyelidikan sepertimana yang dijadualkan akan menyebabkan aktiviti kewangan projek penyelidikan tersebut disekat.

4.3 Jawatankuasa Kluster Penyelidikan & Inovasi

- 4.3.1 Jawatankuasa Kluster Penyelidikan & Inovasi berperanan untuk menilai laporan kemajuan Dana penyelidikan.
- 4.3.2 Jawatankuasa Kluster Penyelidikan & Inovasi dipengerusikan oleh Pengerusi yang dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).
- 4.3.3 Setiap research focus area mempunyai Jawatankuasa Kluster Penyelidikan & Inovasi masing-masing.
- 4.3.4 Keahlian Jawatankuasa Kluster Penyelidikan & Inovasi adalah minimum seramai tiga (3) orang berjawatan Profesor Madya ke atas dan pelantikan adalah mengikut bidang kepakaran.
- 4.3.5 Penghantaran laporan kemajuan adalah melalui SMPPI dengan perakuan FAPI dan PPP akan memajukan kepada Jawatankuasa Kluster Penyelidikan & Inovasi untuk tindakan selanjutnya.

4.4 Laporan Akhir

Laporan akhir penyelidikan perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas projek disiapkan secara atas talian melalui SMPPI.

4.5 Pengawalan Dan Penalti

- 4.4.1 Pelaksanaan projek mesti dilakukan pada tahap etika dan integriti yang tinggi. Sebarang isu plagiarisme akan dikenakan penalti.
- 4.4.2 Setiap FAPI perlu memastikan semua projek/ program perlu mencapai prestasi kewangan yang memuaskan berdasarkan milestone.
- 4.4.3 Prestasi Projek perlu mencapai bakat dan penerbitan seperti dalam cadangan yang telah diluluskan.
- 4.4.4 Pihak PPPI boleh memberi Ketua Penyelidik tempoh tiga (3) bulan untuk mencapai prestasi yang memuaskan bagi projek yang dikenal pasti lewat jadual/bermasalah.
- 4.4.5 Ketua Penyelidikan yang telah dikenalpasti bermasalah akan disenaraihitam bagi tempoh dua (2) tahun sebelum diberi kebenaran untuk membuat permohonan Dana yang baharu.

BAHAGIAN 5: LAIN-LAIN

5.1 Pengesahan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kluster Penyelidikan & Inovasi

Pengesahan bagi aktiviti dalam menjalankan penyelidikan (kerja lapangan) termasuk proses kewangan projek mestilah melalui Pengerusi JK Kluster Penyelidikan & Inovasi

masing-masing. Perkara ini adalah juga terpakai kepada pensyarah yang memegang jawatan pengurusan di jabatan lain.

5.2 Pertukaran Ketua Projek/Pertambahan dan Pengguguran Ahli Projek

Sebarang permohonan untuk menukar Ketua Projek, menambah atau menggugurkan ahli projek hendaklah dipohon secara surat rasmi melalui Ketua Jabatan masing-masing.

5.3 Pengecualian

Walau apa pun yang dinyatakan dalam garis panduan ini, Naib Canselor boleh membuat pengecualian terhadap mana-mana perkara yang dinyatakan dalam garis panduan tertakluk kepada Peraturan-peraturan Am tidak menyalahi peruntukan undang-undang di Malaysia.

LAMPIRAN 1

Jadual 1: Pencapaian *Output* minimum bagi Dana penyelidikan UMS (Sains dan Teknologi)

Kumpulan Penyelidikan (Sains dan Teknologi)					
Bil.	Nilai Dana	Tempoh	Output (Minimum)***		
			Artikel	Pascasiswazah (PG)	Research Agreement (RA)
1	≤ RM100K	1 tahun	Q1 (WoS) = 1	-	-
2	RM100K - RM150K	2 tahun	Q1 (WoS) = 1; Q2 (WoS) = 1	1 MSc <i>graduated</i>	-
3	RM150K - RM200K	2 tahun	Q1 (WoS) = 2; Q2 (WoS) = 1	1 MSc <i>graduated</i>	1 RA (dengan dana Luar RM20K)
4	RM200K - RM250K	2 tahun	Q1 (WOS) = 2; Q2 (SCOPUS) = 1	2 MSc ATAU 1 PhD <i>graduated</i>	1 RA (dengan dana Luar RM30K)
5	> RM250K	3 tahun	Q1 (WOS) = 3	1 Master DAN 1 Pelajar PhD <i>graduated</i>	1 RA (dengan dana Luar RM30K)

Jadual 2: Pencapaian *Output* minimum bagi Dana penyelidikan UMS (Sains Sosial)

Kumpulan Penyelidikan (Sains Sosial)					
Bil.	Nilai Dana	Tempoh	Output Minimum		
			Artikel	Pascasiswazah (PG)	Research Agreement (RA)
1	≤ RM30K	1 tahun	Bab dalam buku/ Jurnal berindeks = 1	-	-
2	RM30K - RM50K	1 tahun	Q1 (WOS)=1	-	-
3	RM50K - RM100K	2 tahun	Q1 (WOS) = 1	1 Master	-
4	> RM150K	3 tahun	Q1 (WOS) = 1; Q2 (WOS) = 1	1 PhD	1 RA (dengan dana Luar RM10K)

*** Semua Ketua Projek yang telah menerima Dana Kluster **wajib untuk memohon Dana daripada Luar** UMS dengan dibuktikan; permohonan direkodkan dalam sistem smppi.